



SIDANG AKADEMIK 2002/2003



وینور نیستی

KULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

LG
173
.M44
.B87
2002
rap

PENGAJIAN

PROSES & SISTEM PEMBUATAN

*Sarjana Muda Kejuruteraan Proses & Sistem
Diploma Kejuruteraan Pembuatan*

rap

LG173.M44 .B87



0000027269

Buku panduan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan / Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

UTeM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Maklumat tepat pada masa cetakan. Fakulti Kejuruteraan Pembuatan berhak mengubah mana-mana teks dari masa ke semasa menurut perspektif dan perbincangan yang ada.

Latar Belakang	01
Objektif	02
Visi dan Misi	02
Peluang Dalam Industri	03
Kalendar Akademik	04
Syarat Kemasukan	05
Sistem Akademik	06
Penasihat Akademik	08
Kurikulum	09
Silibus	10
Panel Penasihat Kurikulum	14
Staf Fakulti	15
Carta Organisasi Fakulti	17
Penghargaan	18

LATAR BELAKANG

Penubuhan KUTKM

Penubuhan KUTKM secara rasminya pada 1 Disember 2000 dan ianya mengandungi lima buah fakulti iaitu Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang mana salah satu entiti bagi mewujudkan dan memperkukuhkan konsep penubuhan KUTKM sebagai IPTA yang pertama berdasarkan "Hands On" di mana ianya lebih menekankan kepada penyelesaian permasalahan industri. Perbincangan KUTKM ini pada awalnya telah dibincang di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Buat permulaan, KUTKM beroperasi di tapak Kampus Sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, Melaka. Fakulti ini dijangka akan beroperasi pada tahun 2004 di tapak kampus tetap di Mukim Durian Tunggal, Melaka.

Penubuhan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi kelulusan kepada FKP untuk menjalankan program ini secara rasminya pada 22 Jun 2001. FKP telah merancang program akademik iaitu untuk menawarkan program di peringkat Sarjana Muda seperti Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Sistem Pembuatan), Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan), Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi). Walau bagaimanapun, pada semester dua sesi akademik ini FKP hanya menawarkan satu program sahaja iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Sistem Pembuatan). Program lain akan ditawarkan pada pengambilan pelajar pada sidang akademik yang akan datang. Di samping itu, program peringkat Diploma akan diperkenalkan juga pada sidang akademik 2002/2003.

OBJEKTIF

Membekalkan Tenaga Mahir Untuk Negara

Dengan adanya Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), ia akan dapat membantu mencapai hasrat negara untuk mengeluarkan dan menghasilkan para graduan dan pekerja yang mahir dan separa mahir dalam bidang kejuruteraan.

Memberi Khidmat Pendidikan

Untuk memberi perkhidmatan pendidikan kejuruteraan yang menghasilkan graduan berkemahiran tinggi. Pada masa ini kebanyakan graduan lepasan universiti tempatan berbentuk akademik. Graduan yang mempunyai kemahiran yang tinggi lazimnya menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar secara penggunaan teknologi dan teknik terbaru.

VISI & MISI

VISI

Melahirkan graduan yang berkebolehan dan trampil dengan ilmu, kemahiran dan pengamalan bidang kajian sebagai teras kemajuan negara dan pembangunan insan.

MISI

Melahirkan graduan yang yakin dengan kebolehan dan trampil melalui proses pembentukan penerimaan ilmu teknologi, kemahiran yang tinggi dengan latihan bersistematik dan merealisasikan keupayaan dalam bentuk pengamalan yang konsisten dan tekun sebagai sumbangan kepada pembangunan industri negara.

APA dia Kejuruteraan Pembuatan ?

Pengajian kejuruteraan memanglah satu pengajian yang mendapat tempat oleh pelajar-pelajar yang mempunyai minat dan juga kebolehan. Kejuruteraan Pembuatan tidak tertinggal dalam perkara ini.

Latihan yang diberi dalam pengajian ini akan merangkumi aspek-aspek teori dan amali. Ini dibantu dengan latihan industri selama satu semester untuk mendedahkan pelajar kepada aspek dan ciri kerja-kerja di industri.

Sektor pembuatan di negara kita dapat menyediakan peluang pekerjaan jika pelajar dapat memberi sumbangan dan saingan dalam bentuk kebolehan amali dan berupaya memberi penjelasan dengan tepat.

Sektor perkilangan juga memberi ruang kepada pelajar dan graduan untuk menyambung kerjaya mereka. Bukan sahaja ia menjadi jurutera di lapangan tetapi juga boleh melibatkan diri dalam memberi analisis perniagaan secara biasa atau berkomputer dan juga dalam pengurusan projek.

Bahan kejuruteraan adalah salah satu komponen penting dalam menghasilkan satu-satu barangan. Oleh itu pelajar yang menceburi bidang bahan kejuruteraan akan terlibat dalam bentuk memilih dan menganalisis bahan untuk barangan yang ingin dihasilkan.

Oleh yang demikian, pelajar kejuruteraan pembuatan boleh terlibat dalam banyak sektor dan aspek termasuklah dalam reka bentuk barangan, memproses barangan, menguji ketepatan dan kualiti barangan serta mengubahsuai produk untuk memudahkan pengguna.

Jawatan yang boleh dipegang oleh pelajar bergantung kepada minat dan kebolehan beliau. Ini termasuk sebagai pereka bentuk, jurutera jualan, penyelia, penganalisis pasaran, jurutera bahan, perunding serta usahawan muda.

KALENDAR AKADEMIK

Sidang AKADEMIK 2002-2003

22 Mei- 24 Mei 2002

Minggu Suaikenal Mahasiswa / Pendaftaran Kursus Pelajar Baru

23 Mei-24 Mei 2002

Pendaftaran Matapelajaran Semester 1

TARIKH	SEMESTER 1	TARIKH	SEMESTER 2
28 Mei - 20 Julai 2002	Kuliah Semester 1 Bahagian Pertama (8 Minggu)	28 Okt. - 21 Dis. 2002	Kuliah Semester 2 Bahagian Pertama (8 Minggu)
22 -27 Julai 2002	Cuti Pertengahan Semester (1 Minggu)	23 -28 Dis. 2002	Cuti Pertengahan Semester (1 Minggu)
29 Julai - 14 Sept. 2002	Kuliah Semester 1 Bahagian Kedua (7 Minggu)	30 Dis. 2002 - 15 Feb. 2003	Kuliah Semester 2 Bahagian Kedua (7 Minggu)
		3-14 Feb. 2003	Pra - pendaftaran Semester 1 Sesi 2003/2004
16 -18 Sept. 2002	Cuti Ulangkaji (3 Hari)	17 -19 Feb. 2003	Cuti Ulangkaji (3 Hari)
19 -28 Sept. 2002	Peperiksaan Akhir Semester	20 -28 Feb. 2003	Peperiksaan Akhir Semester
30 Sept. - 26 Okt. 2002	Cuti Akhir Semester	3 Mac - 17 Mei 2003	Cuti Panjang Akhir Semester

SYARAT KEMASUKAN

Bagi kelayakan calon untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan), mestilah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

1. Lulus SPM/setaraf dengan baik.
2. Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf;
(Kelulusan dengan sekurang-kurangnya Gred E dalam mata pelajaran Bahasa Melayu STPM boleh diterima sebagai ganti kepada kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia di peringkat SPM);
3. a) Lulus Sijil Politeknik dengan baik dalam bidang yang berkaitan;
atau
b) Lulus Sijil Program Matrikulasi yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan baik;
atau
c) Lulus dalam sekali peperiksaan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) dengan sekurang-kurangnya;
1) Lulus di peringkat Prinsipal dalam mata pelajaran Pengajian Am / Kertas Am dan lulus dua (2) dalam mata pelajaran Matematik atau Fizik atau Kimia;
atau
d) Sijil-sijil setaraf dengan Sijil Politeknik dari Institusi-Institusi Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Senat KUTKM
4. Mengambil Malaysia University English Test (MUET)
5. Kelayakan Kes Khas
 - a) Diploma yang berkaitan dari Institusi-Institusi yang diiktiraf
atau
 - b) Mempunyai kelulusan pada peringkat SPM dengan baik dan pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan selama 5 tahun serta mendapat kelulusan Senat KUTKM.

KUTKM mengamalkan sistem akademik secara semester, seperti mana yang banyak diamalkan oleh IPTA yang dewasa. Bagi kursus yang ditawarkan dalam sidang akademik 2002/2003 ini, pelajar mempunyai lapan semester untuk menghabiskan semua mata pelajaran yang dihidangkan. Ini lazim berlaku untuk pelajar yang baik dan berkebolehan. Namun begitu, FKP boleh menimbangkan kemungkinan pelajar memerlukan tambah masa untuk menyelesaikan semua matapelajaran yang ada. Setiap sidang akademik mempunyai dua semester pengajian. Dalam keadaan tertentu, FKP juga akan menggunakan semester khas iaitu semester yang dilakukan dalam cuti panjang selepas selesai semester lazim.

Minggu pengajian adalah selama 18 minggu. Ini terdiri daripada 8 minggu kuliah dan diikuti dengan 1 minggu cuti setengah semester. Balik dari bercuti seminggu, pelajar akan menghadiri kuliah selama 7 minggu dan diikuti dengan dua minggu untuk menghadapi peperiksaan.

Kaedah pembelajaran yang dilalui oleh setiap pelajar FKP termasuklah kuliah, tutorial, tugas, amali, kerja lapangan, bengkel, studio dan projek. Ini boleh dilakukan secara individu atau pun berkumpulan.

Tempoh pengajian maksimum ialah 12 dan pelajar mesti menghabiskan dan memastikan bahawa kredit ambil selaras dengan jumlah yang diperlukan untuk tujuan penganugerahan ijazah iaitu sejumlah 129 kredit. Ijazah dianugerah setelah pelajar selesai menghabiskan kesemua mata pelajaran yang ditawarkan oleh kursus tersebut. Sistem gred dikemukakan oleh FKP adalah seperti berikut-

5.1 Pengiraan Purata Matanilai Gred (GPA)

GPA (Grade Point Average) adalah purata matanilai gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam sesuatu semester. Ianya dikira seperti berikut :

$$\text{Jumlah Matanilai (JMN)} = k_1 \times m_1 + k_2 \times m_2 + \dots + k_n \times m_n$$

$$\text{Jumlah Kredit Kira (JKK)} = k_1 + k_2 + \dots + k_n$$

$$\text{GPA} = \frac{\text{Jumlah matanilaian}}{\text{Jumlah kredit kira}}$$

$$= \frac{k_1 \times m_1 + k_2 \times m_2 + \dots + k_n \times m_n}{k_1 + k_2 + \dots + k_n}$$

dengan

k_1, k_2 . = Kredit bagi mata pelajaran berkenaan

m_1, m_2 . = matanilaian yang diperolehi

n = bilangan mata pelajaran yang diambil kira dalam semester tersebut.

5.2 Pengiraan Purata Gred Matanilai Himpunan (CGPA)

Purata Matanilai Himpunan (CGPA) atau (Cumulative Grade Point Average) adalah purata matanilaian gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi semua semester yang telah diikuti. Ia dikira seperti berikut :

$$CGPA = \frac{(JMN)_1 + (JMN)_2 + \dots + (JMN)_n}{(JKK)_1 + (JKK)_2 + \dots + (JKK)_n}$$

dengan

$(JMN)_1, (JMN)_2$ = Jumlah matanilaian yang diperolehi dalam sesuatu semester

$(JKK)_1, (JKK)_2$ = Jumlah kredit kira dalam sesuatu semester

n = Bilangan semester yang telah diikuti

5.3 Penganugerahan Ijazah

Pelajar yang telah mencukupi dan memenuhi semua syarat dan kurikulum yang diadakan oleh KUTKM dan FKP akan dianugerah dengan Ijazah dengan Kepujian jika CGPA sama atau lebih daripada 2. Sebelum itu, jika pelajar mendapat GPA lebih atau sama dengan 3.5 akan dimasukkan dalam Senarai Kepujian Dekan bagi semester yang berkenaan.

5.4 Untuk mendapatkan maklumat penuh tentang perkara di atas, pelajar dinasihatkan merujuk kepada buku panduan Peraturan Akademik yang dikeluarkan oleh KUTKM.

MARKAH	GRED	MATA NILAI	MARKAH	GRED	MATA NILAI
85-100	A	4.0	55-59	C	2.0
80-84	A-	3.7	50-54	C-	1.7
75-79	B+	3.3	45-49	D+	1.3
70-74	B	3.0	40-44	D-	1.0
65-69	B-	2.7	00-39	E	0.0
60-64	C+	2.3			

Program Kejuruteraan Pembuatan yang ditawarkan di sini telah dirangka berasaskan kepada input dari pelbagai pihak termasuk dari industri, institusi pengajian tinggi, pensyarah, jurutera pengajar dan tenaga penggerak sendiri. Selain daripada itu, maklumat dan kursus yang ditawarkan oleh kebanyakan institusi pengajian luar dan dalam negara juga menjadi rujukan. Oleh yang demikian, kurikulum yang dirangka dijangka dapat memenuhi kehendak industri dan ilmu kejuruteraan yang terkini dan canggih.

Kejuruteraan Pembuatan boleh dikatakan terdiri daripada pelbagai bidang yang perlu dilalui oleh pelajar supaya dapat mengetahui apa yang berlaku apabila sesuatu barangan atau produk itu ingin dihasilkan. Bidang-bidang tersebut termasuklah:-

- Rekabentuk Pembuatan
- Bahan Kejuruteraan
- Proses dan Sistem Pembuatan
- Robotik dan Automasi
- Pengurusan Pembuatan

Lantaran itu rangka kurikulum telah diluluskan oleh panel penilai kurikulum yang bersidang dan juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah KUTKM sendiri. Selanjutnya kurikulum dan silibus ini akan disahkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan. Kesemua kursus yang sedang dan akan ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan Pembuatan telahpun mendapat kelulusan ini.

Dalam perincian merangka kurikulum ini, beberapa aspek penting telah dilihat terutama dari segi pembinaan sahsiah pelajar itu sendiri. Dengan itu, empat perkara penting dimasukkan dalam kurikulum tersebut iaitu:-

- wajib universiti
- teras fakulti
- pengkhususan fakulti dan
- pilihan yang ditawarkan oleh fakulti

Mata pelajaran wajib universiti adalah mata pelajaran yang memberi pengetahuan tentang sejarah, budaya dan moral, kemahiran individu, bahasa dan juga aspek-aspek keusahawanan.

Teras fakulti pula menumpukan perhatian untuk memberi asas kejuruteraan pembuatan yang menjurus kepada pengkhususan bidang. Antara bidang umum yang ada termasuklah mekanik gunaan, termo-bendalir, kawalan dan instrumentasi, prosesor mikro dan kualiti.

Mata pelajaran pengkhususan fakulti akan meliputi bidang yang dijangka ditemui dan diceburi oleh pelajar seperti bahan kejuruteraan, proses pembuatan, reka bentuk dan kualiti, pengurusan serta automasi dan robotik.

Mata pelajaran pilihan pula akan memberi pelajar ruang untuk mendalami bidang yang mana teknik dan teknologi baru terlibat. Ini juga merupakan bidang yang boleh diterokai oleh pelajar dalam kursus Sarjana dan Ijazah Kedoktoran yang dijangka ditawarkan dalam masa yang terdekat secara penyelidikan.

SILIBUS

Ringkasan daripada buku teks.

Berikut diturunkan beberapa contoh ringkasan silibus tahun 1 dan tahun 4 yang mustahak dalam pengajian Kejuruteraan Pembuatan di KUTKM.

TAHUN 1

(a) Grafik Kejuruteraan (BMFR1113)

Objektif

Subjek ini diperkenalkan supaya pelajar dapat belajar dan menggunakan komputer sebagai satu alat dan kaedah untuk menyatakan sesuatu maklumat kejuruteraan. Komputer di guna untuk menghasilkan lukisan teknikal dan lukisan kejuruteraan serta menyelesaikan masalah kejuruteraan secara bergraf.

Silibus

Teori asas perhubungan garis yang melibatkan unjuran ortografik, pandangan tambahan dan unjuran bergambar. Aspek rekabentuk dan lukisan termasuk dimensi, toleren, pandangan keratan, benang, pengikat dan lukisan kerja. Penggunaan geometri secara bergambar, mencari panjang sebenar, hubungan antara garis dengan satah, persilangan pepejal, permukaan dan keratan kon. Grafik komputer dalam 2-D dan 3-D. Piawai lukisan kejuruteraan. Kerangka wayar, pemodelan pepejal dan unjuran. Sistem rekabentuk bersepadu. Penggunaan perisian AutoCAD dalam kuliah dan makmal.

(b) Amalan Pembuatan (BMFS1313)

Objektif

Bagi melatih pelajar mengguna alat pertukangan asas dan termaju yang lazim ditemui dalam woksyp umum. Pelajar perlu mempersembahkan produk secara individu dan berkumpulan untuk tujuan penilaian.

Silibus

Sistem ukuran dan tolerancing. Alat-alat mengukur. Bahan produk. Perancangan kerja. Operasi dan keselamatan tempat kerja. Kesihatan pekerja. Operasi dan ciri pemotongan dan pembuangan bahan termasuk gergaji, mesin larik, mesin milling, mesin pembentuk, mesin pencanai. Piawai produk dan ketepatan. Kerja-karya rekabentuk mudah, membuat corak (pattern) dan menuang.

(c) Prinsip Elektrik dan Elektronik (BENG1113)

Objektif

Pengenalan kepada pelajar tentang teori dan amalan kejuruteraan elektronik dan elektrik khusus dari segi litar dan sistem elektrik yang ada dalam bidang kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan.

Silibus

Pengenalan. Analisis litar, keadaan transien dan mantap. Teknik analisis. Litar mudah mikroprosesor bagi perkakas (hardware) dan perisian (software). Antaramuka mikroprosesor kepada peranti ingatan tetap dan berubah (volatile and non-volatile memory) kepada peranti keluar-masuk secara selari dan siri. Peranti digital logik. Aturcara Bahasa Assembly. Denyutan

dan litar elektronik. Transistor diskret. Pembinaan mudah sistem komputermikro menggunakan prosessor mikro, RAM, EPROM, peranti masuk-keluar dan sistem operasi bahasa assembly. Keselamatan dalam makmal. Pengesahan penyelesaian secara matematik.

(d) Pengaturcaraan Komputer (BITG1113)

Objektif

Memberi pengenalan kepada pelajar tentang teori dan cara kerja bagaimana aturcara komputer dihasilkan. Penekanan diberi dalam bentuk bahasa komputer terkini seperti C++ dan menggunakan Visual Basic.

Silibus

Pengenalan kepada Penggunaan komputer dan kejuruteraan. Penggunaan aturcara dalam penyelesaian masalah.

Sistem komputer. Fungsi komponen perisian: sistem operasi, penyunting (editors), pengumpul (compilers).

Aturcara bahasa tinggi: pemilihan dan gelung struktur, rutin, array dan jenis rekod, operasi file teks.

Aturcara berasaskan objek: penggunaan rutin, binaan rutin mudah.

Algoritma C++, pengekodan, sub-aturcara dan parameter, struktur kawalan, I/O, aritmetik kompleks, operasi ketepatan halus (double precision).

Bahasa Assembly. Memprogram guna arahan bahasa assembly, fungsi panggilan DOS dan fungsi BIOS. Binaan fail boleh-kerja (executable files) dari bahasa assembly.

Teks dan paparan grafik. Penggunaan program untuk peranti masuk-keluar.

Tahun 4

(a) Automasi Industri (BMFA4443)

Objektif

Memberi pengetahuan kepada pelajar tentang konsep antara-muka manusia dan mesin. Manusia melakukan kerja berulang dan ini boleh dilakukan oleh robot. Pelajar akan didedahkan kepada pengaturcaraan dan penyelenggaraan robot.

Silibus

Pengenalan kepada automasi. Teknik automasi; tetap, fleksibel. Sistem pengangkutan bahan. Rekabentuk ruang kerja robot. Unjuran bahan ganti. Aliran bahan yang optimum. Teknik dan amalan pembuatan secara berkomputer. Rekabentuk secara berkomputer.

(b) Rekabentuk & Pembuatan Terbantu Komputer (BMFR4143)

Objektif

Pelajar akan diperkenalkan kepada asas rekabentuk dan pembuatan terbantu komputer. Ini akan difokus kepada membuat aturcara komputer dan rekabentuk. Kesepaduan rekabentuk dan pembuatan akan ditonjolkan. Beberapa perisian komputer CAM/CAD/CAE akan diperkenalkan.

Silibus

Pengenalan. Konsep, komponen dan teknologi CIM. Pemodelan CIM. Jaringan kawasan tempatan. Antara muka dan integrasi CAD/CAM. Teknologi berkumpulan dan pembentukan keluarga komponen. Aliran maklumat untuk CIM. Kawalan kilang dan justifikasi sistem CIM. Pengetahuan bahasa komputer. Penilaian sistem CNC.

(c) Teknologi Plastik (BMFB3213)

Objektif

Pelajar dijangka oleh mengenal pasti penggunaan plastik dalam industri dan melakukan kerja-kerja ujikaji dengan menggunakan teknik tuangan, pembentukan dan acuan yang lazim ditemu dalam industri. Proses plastik yang utama akan didedahkan secara langsung. Sifat-sifat kimia dan mekanikal akan dikemukakan. Proses kemasan plastik akan dikenal pasti.

Silibus

Asas teori palstik. Kriteria alah. Hubungan tegasan-terikan. Kelakuan bahan melebihi had perkadaran, teori aliran plastik. Masalah dua dimensi; puntiran dan bengkokan. Kesan benda asing terhadap sifat plastik: polimer, kimia, tambahan, pengisi dan penguat. Acuan, pembentukan, penarikan, penuang, lapisan, kimpalan bahan termo-plastik dan termo-set.

Y.Bhg. Dato' Dr. Hj. Mohd. Mansor b. Salleh, DSDK, JSM

Ph.D (Corrosion) Univ. of Manchester, UK, M.Sc (Industrial Metallurgy & Mgmt.) (UK), B.Sc (Hons.)(Metallurgy) (Cardiff), President, Malaysian Translators Assoc., Member, MIM (UK), FMMS, MI. Corr.

Pengurus Besar

Alloy Castings Sdn. Bhd.

Lot 2473 Nilai Industrial Estate
71800 Nilai, NEGERI SEMBILAN

Y.Bhg. Prof. Dr. Awaludin b. Shaharoun

B.Eng. (Mechanical Eng.)(Liverpool), M.Sc (Industrial Eng. & Production Mgmt.)(Cranfield), Ph.D (Computer-Integrated Manufacturing) (Loughborough)

BEM, Society of Manufacturing Engineers (SME)(USA)

Fak. Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknologi Malaysia

81310 UTM

Skudai, JOHOR

Dr. Samad b. Solbai

B.Eng (Mech. Eng.), M.Eng. Sc (Materials Eng), Ph.D (Chemical Eng.) Graduate Diploma (Islamic Studies); (MIM), (FIEM), (FIMM), Member Society of Petroleum Engineers.

Self Employed

Consultant & Director of a number of Companies

22, USJ 17/7C, Subang Jaya

47630 SELANGOR

Dr. Azmi b. Hassan

Beng. (Leeds), Ph.D (Cardiff), CMfgT

Jabatan Kejuruteraan Mekanik

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, SELANGOR

Tuan Hj. Yahaya b. Ahmad, KMN

M.Sc. in Computer Integrated Manufacture (Univ. Strathclyde, Glasgow)

B.Sc (Hons) Mechanical Engineering (Univ. Strathclyde, Glasgow)

Pengurus Besar Kanan

Bahagian Teknologi Pembuatan Termaju

SIRIM Berhad

No. 1, Persiaran Dato' Menteri

Seksyen 2, Peti Surat 7035

40911 Shah Alam, SELANGOR

Tuan Hj. Azmi b. Omar

M.Sc Energy (Univ. of Wales, Cardiff, UK)

Ketua Jabatan

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

Politeknik Johor Bahru

KM10 Jalan Kong Kong

81700 Pasir Gudang, JOHOR

STAF FAKULTI

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan di KUTKM adalah sebuah fakulti kejuruteraan yang amat muda. Dengan itu, staf perintis fakulti juga merupakan mereka yang bercita-cita tinggi dan dinamik. Kebanyakan pensyarah yang diambil bekerja di fakulti merupakan mereka yang datangnya dari pelbagai latar belakang industri. Ini dibantu oleh staf-staf yang menjalankan kerja-kerja pentadbiran yang telah berkecimpung dalam dunia pendidikan di negara tercinta ini selama 15 hingga 20 tahun. Jawatan yang ada termasuklah profesor, profesor madya, pensyarah, jurutera pengajar dan tutor. Bagi menyokong kegiatan akademik, fakulti juga dibantu oleh staf sokongan yang terdiri daripada penolong pendaftar, pegawai kerani dan juruteknik. Senarai tenaga pengajar ini akan bertambah dari masa ke semasa dan kelayakan yang didapati juga akan berubah.

Berikut adalah nama-nama pegawai-pegawai KUTKM yang berkhidmat di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Staf Akademik

Y. Bhg. Prof. Dr. Md Razali bin Ayob

BSc.(Hons) Mechanical Eng. (Glasgow Univ)

M.Sc. Applied Energy (Energy Conservation & Environment)

(Cranfield Int. Tech)

Ph.D(Thermo Fluid) (Univ. Wales, College of Cardiff)

Encik Mohd Warikh bin Abd Rashid

BEng. (Hons) Material Engineering (USM)

MSc. Material Engineering (USM)

Cik Zuhriah binti Ebrahim

BEng (Hons) Mechanical (Industry) (UTM)

Encik Zulkiflee bin Abdullah *

BEng. (Hons) Mechanical Manufacturing (Univ. of Western

Ontario)

Y. Bhg. Prof. Dr. Abu bin Abdullah

BSc. Production Engineering (Birmingham Univ)

PGCE (MPT KL)

MSc. Manufacturing Systems Engineering (Warwick Univ)

Ph.D Manufacturing Engineering (Warwick Univ)

Encik Mohd Rizal bin Salleh

Adv. Dip. In Mech. Eng. (Uitm)

MEng Mechanical Eng. (Tokushima Univ.)

Encik Mohamad bin Minhat

Dip. Industrial Tech. (KUSZA)

BEng. Mechanical Manufacturing (Univ. Wales, College of Cardiff)

Encik Khairol Anuar bin Rakiman *

*Dip. Mechanical Engineering (UTM)
BEng. (Hons) Mechanical (UTM)*

Puan Rosidah binti Jaafar

BEng. (Hons) Mechanical (USM)

Encik Abdul Rahim bin Samsudin

*Dip. Mechanical Engineering (UTM)
BSc. (Hons) Mechanical Engineering (Glasgow Univ.)*

Encik Shariman bin Abdullah

Eng (Mechanical Eng.) (Tokushima Univ.)

Encik Hassan bin Attan

*Dip. Manufacturing Technology (Polytech P.D.)
BEng. (Hons) Manufacturing Systems (Portsmouth Univ.)*

Encik Hambali bin Arep @ Ariff

*Dip. Manufacturing Engineering (ITM)
BEng. (Hons) Mechanical Engineering (UITM)*

Puan Nur Izan Syahriah binti Hussein

BEng (Hons) Manufacturing (UIA)

Encik Zolkarnain bin Marjon

BEng. (Hons) Manufacturing System Eng. (Portsmouth Univ.)

Staf Bukan Akademik

Encik Mohd Azmi bin Mat Said

Puan Saadiah bt. Aziz

Puan Rahfesta bt. Abdullah

Encik Jaafar bin Lajis

Encik Mohd Nazri bin Abd. Mokte

Encik Mohd Hisyam bin Ibrahim

Penolong Pendaftar

Pembantu Tadbir (K)

Pembantu Tadbir (P/O)


Juruteknik Kanan

Juruteknik

Juruteknik

CARTA ORGANISASI

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



PENGHARGAAN

Pihak Fakulti Kejuruteraan Pembuatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan dan individu di atas segala kerjasama yang diberi dalam usaha untuk menerbitkan buku panduan ini, sama ada secara langsung atau tidak. Sama-samalah kita, KUTKM, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, industri, tenaga pengajar dan pelajar membangunkan kampus dan mengembangkan ilmu dalam mengejar kemajuan yang dicita-citakan oleh negara yang tercinta.

اونيوورسيٲى ٲيكنيكل ماليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Perpustakaan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hubungi:

Phone: 06-3316822 | Fax: 06-3316811

<http://library.utm.edu.my>



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERPUSTAKAAN
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

0000027269
17 JAN 2006



FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN